

CNS1.668

U GB 21-10 00136 BH958

aab

PROJEX KERETA KEDUA IKUT JADUAL

I

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata projek kereta Malaysia kedua akan dilaksanakan mengikut jadual. Perdana Menteri menafikan bahawa terdapat masalah yang melewatkan pelaksanaan projek itu, kata setiausaha akhbarinya, Encik Hashim Makaruddin sebagai penjelasan kepada satu laporan dari Tokyo.

Laporan itu rnembayangkan bahawa projek itu mungkin lewat akibat masalah pengurusan dan pentadbiran antara Daihatsu Motor of Japan dan rakan-rakan kongsinya dari Malaysia.

Dr Mahathir berkata jikapun adamasalah, ianya akan diselesaikan oleh pengurusan.

Projek yang akan di tempatkan di Serendah, Hulu Selangor itu, di j adual bermula pada suku ketiga 1994. Daihatsu akan mengeluarkan kereta ekonomi berkuasa 660cc secara perkongsian dengan Med-Bumikar Mara, Permodalan Nasional Berhad (PNB), dan UMW Holdings Bhd. -- Bernama.

▼21/10/18-45MST